

Lim Lian Geok



JIWA BUDAYA CINA MALAYSIA

“Kekentuhan Melayu Kestitihan Tuan”
 “Santaulah Mustofa Sya Malayan”



Aurug Malayu
 Majahe
 Tros
 Meros

Diterjemah oleh
 Lim Hong Siang



92



Fo

LIM LIAN GEOK

JIWA BUDAYA CINA MALAYSIA

Diterjemah oleh
Lim Hong Siang



1/2/17

Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG
2016

PUSTAKA PERDANA



1013558



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PUSAT PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN LLG (LLG)

Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG ditubuhkan pada 28 Disember 1985 oleh 15 pertubuhan Cina yang utama, 10 hari selepas kematian Lim Lian Geok. Penubuhan LLG bertujuan untuk memperingati mendiang Lim Lian Geok, seorang pejuang pendidikan bahasa Cina yang terulung di Malaysia.

Nilai Teras LLG

1. Mendukung prinsip demokrasi, hak asasi manusia, menghormati individu dan kepelbagaian etnik;
2. Menghargai solidariti, persahabatan dan kerjasama.

Objektif LLG

1. Memperingati Lim Lian Geok di samping menyebarkan nilai keadilan, kebebasan dan kesamarataan yang dicanang oleh mendiang Lim;
2. Memajukan pendidikan bahasa ibunda dan memupuk tradisi kebudayaan etnik;
3. Mempergiatkan program merentasi kaum dan masyarakat madani demi menjaga hak berbudaya dan berpendidikan, hak asasi manusia dan demokrasi;
4. Memantapkan pemikiran kepelbagaian budaya dan hak berbudaya melalui program seminar dan persidangan akademik, penerbitan buku, kursus humaniti, kursus demokrasi, pendidikan sivik dan sebagainya.

Penghargaan

Penerbitan ini disusun oleh Encik Lee Ya Ao. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau atas dedikasi dan komitmennya untuk kajian Lim Lian Geok.

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Kua Kia Soong, penyunting dan Yang Pei Keng, penterjemah untuk buku ini yang asalnya dalam bahasa Inggeris, *LIM LIAN GEOK: SOUL OF THE MALAYSIAN CHINESE*.

Sekalung penghargaan juga kepada Encik Wan Hamidi sebagai pembaca prof.

Kami menyeru agar semua komuniti di Malaya memahami bahawa meskipun kita mempunyai perbezaan yang nyata dari batas kaum pada peringkat ini, hubungan persaudaraan akan tetap terjalin apabila kita semua berganding bahu untuk membina negara ini. Anak-anak dan cucu-cicit kita akan bekerja dan bermain bersama-sama di atas bumi yang tercinta ini.

Malah pada masa yang akan datang, batas perbezaan ini boleh dihapuskan melalui interaksi budaya sehingga kita menjadi sekeluarga. Tanggungjawab yang perlu kita galas sekarang adalah membina asas persahabatan dan kerjasama untuk anak-anak dan cucu-cicit kita, memupuk semangat untuk hidup makmur bersama.

-- Lim Lian Geok

Deklarasi Persidangan Kebangsaan Perwakilan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Berdaftar

Hak Cipta 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa juga bentuk dan cara - elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh

Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG

No. 89 & 91, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-21422496/2497

Faks: +603-21422487

Email: info@llgcultural.com

Laman Website: <http://llgcultural.com>

FB Facebook: <http://fb.com/llgcultural>

Editor

Kua Kia Soong

Penterjemah

Lim Hong Siang

Rekabentuk kulit / Atur huruf

Yap Yoke Phooi

Cetakan Pertama

September 2016

Kuantiti

1000 naskah

Harga

RM 20

ISBN

978-967-11616-8-5

Dicetak oleh

永联印务有限公司 Vinlin Press Sdn Bhd. (25680-X)

No. 2, Jalan Meranti Permai 1, Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15, Jalan Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Kandungan

Glosari	viii
<i>Kata Pengantar</i> oleh Dr Toh Kin Woon	ix
<i>Prakata</i> oleh Yang Pei Keng	xii

PENGENALAN oleh Dr Kua Kia Soong	1
----------------------------------	---

**Bahagian I: PERJUANGAN LIM LIAN GEOK UNTUK
PENDIDIKAN CINA DI MALAYA (1949-1961)
oleh Dr Yen Chin-hwang**

1. Latar Belakang Awal Lim Lian Geok	11
2. Lim Lian Geok Menetap di Malaya	15
3. Lim Lian Geok dan Persatuan Guru Cina	19
4. Bantahan terhadap Ordinan Pelajaran 1952	27
5. Mempertahankan Pendidikan Menengah Cina	37
6. Laporan Rahman Talib, 1960	43
7. Lim Lian Geok dan Politik di Malaya	47
8. Isu Kerakyatan	53
Kesimpulan: Semangat Lim Lian Geok	57

Bahagian II: Ucapan dan Tulisan Pilihan oleh Lim Lian Geok

1. SUMBANGAN PENDIDIKAN CINA KEPADA MALAYA	79
<i>Menyanggah Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer</i> 18 Ogos 1953	
2. DASAR PENDIDIKAN YANG DITERIMA SEMUA KOMUNITI	91
<i>Kenyataan berhubung Mesyuarat Melaka</i> 12 Januari 1955	

- | | | |
|------------|--|-----|
| 3. | PERJUANGAN MENUNTUT KERAKYATAN MALAYA
<i>Deklarasi Persidangan Kebangsaan Perwakilan
Pertubuhan-Pertubuhan Cina Berdaftar
27 April 1956</i> | 97 |
| 4. | PEMBINAAN JIWA
<i>Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri di Utusan Melayu
13 Mei 1956</i> | 101 |
| 5. | SOKONGAN BERSAMA TERHADAP PENDIDIKAN
BAHASA IBUNDA
<i>Ucapan di Persidangan Persatuan Guru-Guru Sekolah
Tamil Selangor
9 September 1956</i> | 105 |
| 6. | MENGIKTIRAF BAHASA CINA DAN TAMIL SEBAGAI
BAHASA RASMI
<i>Deklarasi Bersama UCSTA dan Persatuan Guru-Guru
Sekolah Tamil Selangor
9 September 1956</i> | 109 |
| 7. | PERJUANGAN KEMERDEKAAN ADALAH
KEUTAMAAN KITA
<i>Ucapan dalam Persidangan Tahunan Keenam UCSTA
12 Disember 1956</i> | 111 |
| 8. | DUA MISI UTAMA PENDIDIKAN
<i>Ucapan dalam Majlis Penubuhan Persatuan Guru-Guru
Lepasan Chinese Senior Normal Negeri Sembilan
20 Januari 1957</i> | 113 |
| 9. | MENCIPTA KEAJAIBAN UNTUK MALAYA
<i>Ucapan dalam Mesyuarat 15-Ahli Jawatankuasa Kerja
Persidangan Perwakilan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Berdaftar
6 Ogos 1957</i> | 119 |
| 10. | SALING MEMAHAMI DAN INTERAKSI KEBUDAYAAN
<i>Satu rayuan untuk semua komuniti
Disiarkan Sin Chew Jit Poh, 9 Februari 1960</i> | 125 |
| 11. | JIWA SAYA AKAN TERUS BERSINAR DALAM SEJARAH
<i>Ucapan dalam Majlis Perpisahan Untuk Guru-Guru Bersara
15 April 1965</i> | 129 |

Lampiran

Lampiran I:	Notis Tentang Tujuan Pelucutan Kerakyatan <i>12 Ogos 1961</i>	163
Lampiran II:	Notis Pembatalan Pendaftaran Guru <i>19 Ogos 1961</i>	165
Lampiran III:	PPP akan adu kepada PBB tentang kes Lim Lian Geok <i>19 Ogos 1961</i>	167
Lampiran IV:	Parti Buruh digesa menyokong Encik Lim <i>28 Ogos 1961</i>	170
Lampiran V:	Kenyataan oleh Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina terhadap Pelucutan Kerakyatan Lim Lian Geok <i>8 September 1961</i>	171
Lampiran VI:	Pentafsiran yang salah terhadap Perlembagaan, kata peguam <i>5 Oktober 1961</i>	174
Lampiran VII:	Kenyataan Lim Lian Geok kepada Jawatankuasa Siasatan berhubung Kerakyatan <i>16 Ogos 1964</i>	178
Lampiran VIII:	Kembalikan Kerakyatan Lim Lian Geok <i>20 Disember 1985</i>	181
	Riwayat Hidup Lim Lian Geok (LLG)	185

Glosari

Singkatan	Bahasa Malaysia	Bahasa Cina
CSTA	Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina	教师公会
Dong Jiao Zong	UCSCA dan UCSTA	董教总
Dong Zong	UCSCA	董总
Jiao Zong	UCSTA	教总
KLCSTA	Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Kuala Lumpur	吉隆坡华校教师公会
LLG	Lim Lian Geok	林连玉
MASS	Perkhidmatan Bantuan Perubatan Selangor	雪兰莪医药辅助队
MCA	Malayan Chinese Association / Malaysian Chinese Association	马华公会
MCACECC	Jawatankuasa Pusat Pendidikan MCA	马华教育中央委员会
PPP	Parti Progresif Rakyat	人民进步党
SJK (C)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	国民型 (华文) 学校
Tiga Organisasi	UCSCA, UCSTA dan MCACECC	三大机构 (董总、教总及马华教育中央委员会)
UCSCA	Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina	董总 (华校董事会总会)
UCSTA	Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina	教总 (华校教师会总会)
UMNO	United Malays National Organisation	巫统

Kata Pengantar

Oleh Dr Toh Kin Woon

Mantan Pengerusi, Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG

Saya tidak berkesempatan untuk mengenali secara peribadi atau bertemu muka dengan Encik Lim Lian Geok sewaktu beliau masih hidup. Tetapi saya merasa bertuah kerana pernah melihat dan mendengar beliau dari jauh dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada pertengahan tahun 1985. Walaupun nampak uzur dan keadaan kesihatannya tidak memuaskan pada masa itu, bagi saya, Lim Lian Geok berjaya menyampaikan satu ucapan yang penuh inspirasi dan menaikkan semangat, yang mana beliau menggesa semua pihak terus berjuang ke arah Malaysia yang adil dan saksama.

Seperti yang diketahui umum, beliau menyumbang hidupnya memperjuangkan hak semua kaum di Malaysia untuk mempertahankan bahasa ibunda masing-masing. Ini adalah perjuangan yang amat bermakna bagi dirinya, dan satu usaha yang tinggi nilai pengorbanannya. Dituduh sebagai cauvinis Cina oleh media arus perdana milik UMNO, kerakyatan Lim Lian Geok telah dilucutkan dan pendaftaran gurunya ditarik balik. Walaupun ditekan sedemikian rupa, Lim Lian Geok kekal menetap di Malaysia dan enggan kembali ke China, tempat beliau dilahirkan. Dalam petikan rencana Tan Liok Ee yang bertajuk *Descent and Identity: the Different Path of Tan Cheng Lock, Tan Kah Kee and Lim Lian Geok*, tokoh ini (Lim Lian



Geok) berkata:

"Saya telah menetap di Malaya selama hampir 40 tahun. Saya rasa saya boleh katakan bahawa saya telah memberikan jiwa raga saya untuk pendidikan Cina di Malaya. Telah lahir rasa sayang saya terhadap Malaya. Saya amat cintakan negara ini. Saya ingin tinggal dan mati di sini, dan dikebumikan di watan tercinta ini."

Ini adalah kata-kata seorang patriot besar dan nasionalis Malaysia. Beliau juga seorang pejuang. Sekali lagi, dengan memetik Tan Liok Ee, beliau (Lim Lian Geok) menganggap dirinya sebagai pejuang yang berprinsip, dengan merasakan bahawa jika beliau meninggalkan negara, itu adalah melanggar prinsip. Sewaktu menyambut hari lahirnya yang ke-80, beliau berkata:

"Saya berdiri di sini sebagai bukti bahawa saya Lim Lian Geok mampu menghadapi ujian yang penuh krisis dan penderitaan. Saya tidak pernah tunduk atau berpaling daripada perjuangan! Saya tidak akan sekali-kali menyerah kalah! Saya tidak lari atau meninggalkan negara saya!"

Lim Lian Geok sudah lama meninggalkan kita tetapi semangatnya terus hidup. Untuk menyebarkan semangatnya, terutama di kalangan anak muda Malaysia, pihak pendidik Cina telah menubuhkan Pusat Pembangunan Kebudayaan Lim Lian Geok. Adalah penting kepada kita untuk memahami dengan jelas intipati semangat itu sebelum usaha menyebarkannya dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi saya, semangat Lim Lian Geok mempunyai tiga komponen utama. Yang mula-mula sekali adalah semangat patriotisme dan cinta negara. Satu lagi adalah kecekalan dan kesungguhan memperjuangkan pegangan kita sampai ke saat terakhir, walaupun apabila menghadapi cabaran yang besar. Akhir sekali adalah perjuangan untuk hak asasi manusia bagi semua komuniti, termasuk hak untuk mendapatkan pendidikan dalam bahasa ibunda masing-masing.

Kesemua komponen "Semangat Lim Lian Geok" ini adalah

implikasi penting kepada agenda Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG. Pusat ini mesti merangkumkan perjuangan menuntut hak asasi dan sivil yang lebih luas seperti hak pendidikan bahasa ibunda, kesaksamaan gender, perlindungan alam sekitar, kebebasan bersuara dan hak berhimpun, ke dalam agendanya. Ia mesti bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk mengukuhkan masyarakat sivil. Lebih penting lagi, dalam usahanya mencapai matlamatnya, ia harus merentasi sempadan kaum, kerana inilah yang diperjuangkan Lim Lian Geok. Lim Lian Geok bukan sahaja bersuara bagi pihak komuniti Cina tetapi juga kaum-kaum lain dalam usahanya mendapatkan hak pendidikan bahasa ibunda.

Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG akan terus berusaha untuk menjadi sebuah badan untuk semua rakyat Malaysia. Ini adalah selaras dengan semangat Lim Lian Geok.



PRAKATA

Oleh Yang Pei Keng
Peguam hak asasi dan penulis
Penterjemah teks ucapan Lim Lian Geok
(dari bahasa Cina kepada bahasa Inggeris)

Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG Bhd telah menugaskan saya untuk menterjemah ucapan-ucapan Lim Lian Geok dan saya amat gembira dapat melibatkan diri dalam kerja penterjemahan ini yang saya anggap mempunyai nilai sosial yang tinggi.

Encik Lim adalah seorang tokoh pendidikan Cina yang terkenal. Beliau amat dihormati di kalangan masyarakat Cina. Ini adalah kerana usahanya yang tidak pernah mengalah untuk melindungi dan mempertahankan hak pendidikan bahasa ibunda, khususnya pendidikan Cina yang telah menghadapi pelbagai kesukaran dan halangan bertahun-tahun lamanya.

Dalam usaha gigihnya mempertahankan pendidikan bahasa ibunda, beliau telah menanggung derita dan keperitan hidup. Beliau telah dilucutkan kerakyatannya, dan setelah jatuh beliau ditimpa tangga pula apabila pihak berkuasa menabur pasir ke dalam periuk nasinya dengan menghalang beliau daripada mengajar.

Beliau adalah seorang guru yang bertauliah tetapi pendaftaran gurunya telah dibatalkan oleh kerajaan. Ini adalah semata-mata beliau membantah layanan tidak adil dan tidak wajar oleh pihak berkuasa terhadap pendidikan bahasa ibunda komuniti Cina di bawah sistem

pendidikan negara yang berat sebelah.

Sepanjang kerjayanya sebagai guru, beliau telah berjuang bagi pihak komuniti Cina untuk mendapatkan hak asasi pendidikan bahasa ibunda; bahasa ibunda yang dipertahan dan dipeliharanya itu pula adalah Bahasa Cina yang diajar sepanjang hidupnya.

Ini tidak bermakna beliau tidak mempedulikan bahasa-bahasa ibunda komuniti lain. Misalnya, beliau telah memperjuangkan perlindungan dan pengekaln bahasa Tamil di kalangan komuniti India. Beliau mencadangkan dalam salah satu ucapannya bahawa kedua-dua komuniti Cina dan India perlu saling membantu dan bekerjasama dalam perjuangan membangunkan pendidikan bahasa ibunda.

Beliau menasihatkan kaum Cina supaya menerima Malaya sebagai tanahair mereka, dan menganggap negara-negara lain sebagai negara rakan sahaja, tidak kira betapa kuat atau berkuasanya negara-negara berkenaan. Dengan itu beliau bukanlah seorang cauvinis sebagaimana yang dicap oleh kerajaan penjajah atau pihak berkuasa pasca-penjajah. Tanpa keraguan, beliau adalah seorang patriot yang menyumbang sepenuh hayatnya berjuang demi satu daripada hak-hak asasi manusia - hak untuk pendidikan bahasa ibunda di negara ini.

Berikutan sumbangannya yang tidak ternilai itu kepada pengekaln dan perlindungan pendidikan bahasa ibunda, beliau dipandang tinggi di kalangan masyarakat, dan memang sesuai beliau diberi gelaran "roh bangsa komuniti Cina". (族魂, "Zu Hun")

Pada 12 Ogos 1961, Encik Lim telah dilucutkan kerakyatannya sebagai warga Malaya. Beberapa hari kemudian, pendaftarannya sebagai guru dibatalkan pada 19 Ogos 1961. Para peguamnya bekerja keras untuk membatalkan keputusan kerajaan melucutkan kerakyatannya, sehingga ke peringkat mahkamah rayuan tertinggi pada masa itu - Majlis Privy. Antara peguam-peguam beliau adalah Encik D.R. Seenivasagam dan Encik Ramani.

Walaupun beliau kelihatan sukar untuk menang dalam usaha perundangannya melawan kuasa kerajaan, kesnya telah mendedahkan isu penting tentang maksud "taat setia" yang merujuk kepada Artikel 25 Perlembagaan Persekutuan. Encik Lim telah dilucutkan kerakyatannya di bawah Artikel tersebut.

Menurut laporan Times Of Malaya dan Straits Echo pada 5 Oktober 1961, apabila kes tersebut didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, peguam Encik Lim, iaitu Encik Ramani telah mengemukakan hujahnya berhubung tafsiran Artikel 25 Perlembagaan Persekutuan.

Aritkel 25 (1) menyatakan bahawa "Kerajaan Persekutuan boleh melalui perintah melucutkan kerakyatan mana-mana orang yang menjadi warganegara melalui pendaftaran...jika berpuas hati bahawa orang itu telah menunjukkan dirinya melalui perbuatan atau percakapan sebagai tidak taat atau tidak setia kepada Persekutuan."

Encik Ramani membangkitkan isu "taat setia", dan mengemukakan tafsiran yang meyakinkan tentang erti "taat setia" yang dimaksudkan oleh Artikel tersebut. Beliau berhujah:

"...Artikel ini hanya merujuk tentang ketidaksetiaan terhadap 'Persekutuan', dan bukannya terhadap Yang di-Pertuan Agong atau kerajaan."

"'Persekutuan' bermakna Negara (state) dan bukannya kerajaan yang ditubuhkan di bawah nama Agong. Di bawah sistem kerajaan demokratik, setiap warganegara mempunyai kebebasan bersuara untuk mengkritik dasar-dasar kerajaan, dan kerajaan bukan sahaja terdiri daripada Perikatan tetapi juga setiap parti politik di negara ini."

Beliau menegaskan:

"Ini (Malaya) adalah negara demokratik di mana setiap persoalan tentang dasar boleh dibahaskan bukan sahaja dalam

Dewan Perundangan tetapi juga dalam forum-forum awam, dan kebebasan bersuara ini dijamin untuk setiap warganegara di bawah Perlembagaan..."

"...untuk sekadar mengkritik dasar kerajaan, yang bukannya Negara (state), ia tidak boleh menjadi alasan untuk melucutkan kerakyatan mana-mana warganegara. Lagipun, dasar kerajaan tidak semestinya dasar Persekutuan. Satu kerajaan lain mungkin mengambil alih kuasa dan membatalkan dasar tersebut."

Lim Lian Geok membawa kes rayuannya ke Majlis Privy. Tetapi keputusan Majlis Privy tidak memihak kepadanya, sebaliknya memihak kepada kerajaan. Bagaimanapun, kes penting itu menjadi perhatian awam tentang mustahaknya isu-isu berkaitan "taat setia" dan "dasar kerajaan".

Sir Justice Thompson yang menjadi Hakim Mahkamah Tinggi pada masa itu melahirkan pandangan yang hampir sama tentang isu dasar kerajaan, walaupun keputusannya tidak memihak kepada Lim. Hakim tersebut berpendapat bahawa jika rakyat sesebuah negara tidak puas hati dengan mana-mana dasar kerajaan, mereka berhak untuk menukar kerajaan itu mengikut cara-cara berperlembagaan, kerana tidak ada kerajaan yang kekal selama-lamanya.

Bagaimanapun, Majlis Privy membuat keputusan yang tidak memihak kepada Lim Lian Geok. Usahanya untuk mengekalkan kerakyatannya digagalkan. Bagaimanapun, berdasarkan hujah-hujah peguam seperti yang dinyatakan di atas, tidak mengejutkan jika ada orang berpandangan bahawa keputusan mahkamah itu ada kaitan dengan politik.

Walaupun Encik Lim Lian Geok tewas dalam kesnya, dan hilang kerakyatannya serta pendaftaran gurunya, beliau telah mendapat penghormatan yang tinggi daripada keseluruhan masyarakat Cina, hingga ke hari ini. Tidak mengejutkan apabila masyarakat Cina

menganugerahkan beliau dengan gelaran "Roh Bangsa Komuniti Cina Malaysia" atas usaha berterusannya dalam mempertahankan dan mengekalkan pendidikan bahasa ibunda.

PENGENALAN

Menuntut Dikembalikan Kerakyatan dan Pendaftaran Guru Lim Lian Geok¹

Oleh Dr. Kua Kia Soong

Editor, Lim Lian Geok: Soul of The Malaysian Chinese

Pengarah, Suara Rakyat Malaysia

Ini adalah buku pertama dalam bahasa Inggeris tentang seorang pejuang yang dinobatkan sebagai "Jiwa Budaya Cina Malaysia" sejak beliau meninggal dunia pada tahun 1985. Tidak pernah dalam sejarah seorang Cina Malaysia diberi pengiktirafan sebegitu tinggi - jenazahnya ditempatkan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur untuk orang awam tampil memberi penghormatan terakhir. Pasukan perarakan pada hari pengebumiannya mencatat rekod terbesar dalam sejarah masyarakat Cina Malaysia.

Namanya adalah Lim Lian Geok. Setiap tahun pada Disember, pemimpin parti politik, pertubuhan dan pelajar-pelajar sekolah akan tampil memberi penghormatan di makam tokoh ini, bertempat di tanah perkuburan Hokkien, Kuala Lumpur.

Beliau adalah jurucakap kepada komuniti Cina Malaya sepanjang perjuangan kemerdekaan yang diundang mengambil bahagian dalam "Mesyuarat Melaka" bersama Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955

1 Teks asal dalam bahasa Inggeris, terkandung dalam *Lim Lian Geok: Soul of The Malaysian Chinese*. Buku berjudul *Lim Lian Geok: Jiwa Budaya Cina Malaysia* ini adalah terjemahannya, juga buku pertama dalam bahasa Melayu yang mengisahkan riwayat Lim Lian Geok dengan terperinci.

untuk berunding tentang isu Perlembagaan.

Namun demikian, tokoh besar ini mengalami penderitaan perit sebagai seorang patriot dan pendidik apabila dilucutkan kerakyatannya dan dibatalkan pendaftaran gurunya pada tahun 1961, meskipun beliau memberi sumbangan besar terhadap pendidikan bahasa ibunda, hak sivil dan pembinaan negara.

Tokoh besar ini bukanlah stereotaip Cina Malaysia dengan pakaian yang segak, kereta yang mewah, yang menghambat kuasa, kekayaan dan gelaran. Kali pertama saya bertemu dengan Lim Lian Geok adalah sewaktu saya mewawancara beliau untuk buku saya *The Chinese Schools in Malaysia: A Protean Saga*. Saya telah banyak membaca tentang beliau dan mendengar banyak cerita tentang dirinya daripada rakan-rakannya di Dong Jiao Zong, mengenai keberanian dan iltizamnya, dan mengenai bagaimana kerakyatan dan pendaftaran gurunya dibatalkan, meskipun beliau berjuang demi pendidikan bahasa ibunda dan hak-hak sivil.

Apabila saya bertemu beliau pada 1984, saya lebih kagum dengan tokoh besar ini apabila melihat cara hidup beliau yang sederhana dan berperwatakan ramah. Beliau jarang mendapat perhatian media. Sesungguhnya, seperti kata Dr. Yen Ching-hwang,

"Sepanjang hidupnya, beliau tidak mengejar kuasa atau kekayaan untuk dirinya. Malah beliau membenci peniaga Cina yang kedekut serta ahli politik dan pegawai tinggi Cina yang tidak berprinsip, dan merasa malu untuk dikaitkan dengan mereka sebagai pemimpin masyarakat."

Dokumen-dokumen yang dikumpul dalam koleksi ini akan menjadi pembuka mata kepada banyak pihak, terutama kepada mereka yang berpendidikan Inggeris. Tokoh ini yang dipuja ramai sejak kembali ke alam baka pada tahun 1985 sebagai "Jiwa Budaya Cina Malaysia" masih belum dikenali atau telah disalahfahami di luar komuniti yang berpendidikan Cina. Sesetengah dokumen ini

adalah dari era sebelum Merdeka dan memang menarik untuk melihat isu-isu pada zaman itu, khususnya isu bahasa dan kerakyatan. Jika bukan kerana permainan politik kuasa penjajah British pada masa itu, pendidikan bahasa Cina dan Tamil di negara ini sudah pasti menjadi sesuatu yang berlainan hari ini.

Bagi mereka yang mengetahuinya, Lim Lian Geok terkenal sebagai wira pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia. Tetapi daripada dokumen-dokumen dalam buku ini, jelas bahawa pendirian beliau tidak bersifat chauvinis, malah berasaskan hak asasi manusia, iaitu hak untuk pendidikan bahasa ibunda. Jadi, berbanding tokoh-tokoh yang sezaman dengannya, malah pemimpin-pemimpin hari ini, beliau jauh mendepani masa. Satu lagi perkara penting, adalah sewaktu Mesyuarat Melaka pada 1955, di mana bahasa bersama pada masa itu adalah bahasa Inggeris manakala sekolah Melayu dianggap sebagai sekolah vernakular. Pendirian Lim Lian Geok dalam persoalan bahasa adalah seperti berikut:

"Seandainya Malaya memerlukan satu bahasa bersama, maka populasi pengguna bahasa seharusnya dijadikan kayu ukur. Menurut kayu ukur ini, sudah tentu bahasa Melayu adalah bahasa bersama yang pertama, disusuli dengan Bahasa Cina. Namun kewujudan dan perkembangan bahasa ibunda tidak boleh disekat lantaran adanya bahasa bersama.

"Persoalan ini boleh dibincangkan selepas kemerdekaan tercapai dengan dada yang lapang dan hati yang tulus ikhlas. Keputusan boleh dibuat setelah mendapat restu daripada setiap kaum. Seandainya dilaksanakan dengan penguatkuasaan undang-undang tanpa didokong persetujuan massa, maka ia dianggap tidak menghormati kebudayaan tradisional komuniti masing-masing, malah bercanggahan dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mencetuskan kemarahan umum."

Lim Lian Geok sangat bangga menjadi warga Malaya dan amat prihatin dengan perpaduan rakyat dalam usaha mencapai kemerdekaan. Beliau tidak bersetuju dengan hujah penjajah bahawa demi mencapai integrasi sesama rakyat, ia bermakna semua perlu menerima sistem satu bahasa:

"Kami berpandangan bahawa perpaduan dari segi jiwa dan semangat adalah paling penting dalam pembinaan negara, dan bukannya mengasimilasikan semua komuniti etnik...Teori pendidikan berintegrasi dan bahasa bersama sebenarnya kata ganti nama untuk penaklukan (subjugation) dalam bentuk yang lain. Cadangan teori sedemikian hanya bertujuan untuk melanjutkan dominasi pemerintahan sesebuah pihak dengan alasan bahawa bangsa belum bersatu, justeru itu, wujudnya halangan ke arah pembinaan bangsa."

Beliau menegaskan betapa pentingnya keikhlasan dan kebenaran dalam menangani perpaduan antara kaum, dan peluang untuk interaksi di kalangan pelajar pelbagai komuniti. Ini mengingatkan kita kepada cadangan yang dibawa oleh gerakan pendidikan Cina pada pertengahan 1980-an yang menuntut aktiviti interaktif sesama pelajar daripada sekolah-sekolah berbeza bahasa, dan pada masa yang sama, menentang cadangan "sekolah integrasi" oleh kerajaan BN.

Sejak sebelum Merdeka lagi, Lim Lian Geok telah menyuarakan perspektif Malaya dan mencadangkan usaha meMalayakan buku-buku teks di sekolah-sekolah Cina tempatan:

"Kami telah melantik perwakilan UCSTAM untuk terbabit dalam suntingan-semula buku teks sekolah Cina. Dewasa ini, buku teks ini berorientasikan kandungan Malaya. Ia menunjukkan bahawa kami telah mendidik generasi baru untuk taat setia kepada Malaya."

Sebagai seorang warga Malaya yang sebenar, Lim Lian Geok konsisten dalam perjuangannya menuntut pendidikan bahasa ibunda bagi semua komuniti di Malaya, termasuk pendidikan bahasa Melayu:

"Kami berharap usaha dapat dilaksanakan untuk

mempertingkatkan pendidikan bahasa Melayu, dengan pembinaan lebih banyak sekolah menengah Melayu."

Dalam usaha memperjuangkan hak kerakyatan Malaya sejourus sebelum Merdeka, Lim Lian Geok memainkan peranan utama dalam menggesa pelbagai komuniti kaum untuk bersatu, seperti yang dapat dilihat dalam Deklarasi Persidangan Kebangsaan Perwakilan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Berdaftar pada 1956:

"Hubungan persaudaraan akan tetap terjalin apabila kita semua berganding bahu untuk membina negara ini. Anak-anak dan cucu-cicit kita akan bekerja dan bermain bersama-sama di atas bumi yang tercinta ini."

Ini adalah suara dari hati apabila Kongres menuntut usaha bagi meningkatkan taraf hidup orang Melayu di ambang kemerdekaan:

"Kita harus mengakui secara terus-terang, bahawa komuniti Melayu disenangi komuniti lain kerana sikap keikhlasan mereka sejak awal lagi. Ketidakseimbangan pembangunan ekonomi berlaku di Malaya menyebabkan taraf hidup komuniti Melayu jauh ketinggalan daripada etnik yang lain. Ini adalah hakikat. Kami bukan sahaja bersimpati terhadap mereka, malah secara ikhlas berharap agar kerajaan memperbetulkan fenomena yang tidak seimbang ini. Bantuan harus dihulurkan kepada Melayu agar mereka mampu mengorak langkah ke depan dan akhirnya seiring langkahnya dengan kaum lain dalam tempoh yang paling singkat."

Hari ini, tidak dapat dibayangkan satu keadaan di mana ada akhbar berbahasa Melayu sudi menjemput mana-mana pemimpin Dong Jiao Zong untuk menulis perutusan kepada pembaca mereka pada Hari Raya Puasa. Tentunya ia satu penghargaan besar untuk Lim Lian Geok, yang pada masa itu merupakan pemimpin komuniti Cina dan penyokong pendidikan bahasa Melayu, apabila beliau diundang untuk menulis dalam akhbar *Utusan Melayu* (yang disiarkan dalam tulisan Jawi) pada 13 Mei 1956:

"Kita harus memupuk gagasan 'Hidup Berbilang, Makmur Bersama'. Semua komuniti etnik harus diterima sebagai anggota dalam sebuah keluarga, lantas mempunyai hak dan kewajipan yang sama agar semua pihak yakin bahawa rahmat boleh dinikmati bersama...Jika mereka diharap untuk memikul tanggungjawab bersama pada saat-saat yang genting, kita perlu menyemai keyakinan kepada mereka demi membina sebuah negara yang utuh dan kukuh. Inilah satu-satunya cara untuk meletakkan batu asas bagi membentuk sebuah negara Malaya."

Penting juga untuk kita memberi perhatian bahawa Lim Lian Geok menekankan hakikat bahawa perpaduan tulen sesebuah negara perlu berasaskan kepada sikap saling percaya antara satu sama lain dan hak asasi samarata. Beliau berkata demikian di ambang kemerdekaan yang disiarkan dalam sebuah akhbar Melayu bertulisan Jawi! Ini sangat ironis kerana saya pula telah ditahan tanpa bicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana bercakap tentang hal yang sama pada 1987!

Lim Lian Geok juga dijemput berucap di majlis-majlis sekolah Tamil. Dalam ucapannya di Persidangan Persatuan Guru-Guru Sekolah Tamil Selangor, beliau menganggap budaya sebagai penawar dan faedah untuk semua:

"Kami adalah aktivis budaya. Budaya itu sesuatu yang murni, tidak memudaratkan. Budaya harus diraikan, dan bukan ditolak."

Dan bayangkan berapa kerap kita mendengar para pendidik atau artis yang mengatakan mereka tidak mahu masuk campur dalam politik! Bandingkan sentimen sedemikian dengan tema tegas Lim Lian Geok pada Persidangan Tahunan Keenam UCSTA pada 12 Disember 1956, *"Perjuangan menuntut kemerdekaan adalah keutamaan kita!"*

Menjelang Merdeka, patriot besar ini telah mengemukakan konteks "Dua Misi Utama Pendidikan", iaitu:

"Pertama, mendidik anak-anak kanak-kanak kita untuk taat setia

kepada Malaya. Kita perlu mendidik anak-anak kita untuk menerima bahawa Malaya adalah satu-satunya ibu pertiwi mereka; Kedua, kita mesti memupuk minda anak-anak kita bahawa mereka mesti berusaha dan makmur bersama dengan masyarakat-masyarakat lain di negara ini. Malaya adalah negara yang sarat dengan masalah etnik yang rumit, namun kesemua komuniti etnik perlu berganding bahu untuk mencapai kemajuan dalam pembinaan negara. Kita semua adalah saudara dari empat lautan."

Dalam satu dokumen daripada koleksi ini, kita mendapat tahu bahawa selepas mendengar berita tentang seorang pelajar Melayu daripada keluarga miskin, Hang Tuah, telah berjaya memasuki Universiti Nanyang, Lim Lian Geok sangat teruja dan merayu masyarakat Cina untuk menghulurkan bantuan kepada pelajar tersebut. Dalam kenyataan akhbarinya, beliau menyamakan tiga komuniti utama di negara ini sebagai tiga adik-beradik dalam sebuah negara yang baru lahir. Beliau menuntut pihak universiti memberi biasiswa khas kepada Hang Tuah (seorang pelajar Melayu lepasan sekolah Cina) demi persefahaman antara budaya.

Sewaktu Pendudukan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, Lim Lian Geok berkhidmat menjaga mereka yang terkorban dan cedera. Beliau sendiri tercedera di Singapura apabila mempertahankan tanahair tercintanya. Walaupun kerakyatannya dirampas sebegitu rupa, cintanya terhadap Malaya adalah tulus dan ikhlas:

"Saya amat cintakan Malaya dan saya mahu menghabiskan hidup saya di sini. Andainya bukan begitu, tentu saya tidak akan menghabiskan wang puluhan ribu ringgit sepanjang empat tahun yang lalu, dalam cubaan saya untuk mengembalikan kerakyatan saya yang telah dilucutkan."

Akhirnya, dalam kata-kata perpisahannya yang seolah-olah meramalkan apa yang akan berlaku, Lim Lian Geok mengingatkan kita bahawa patriot yang tulen bukanlah orang yang sekadar mengibarkan



bendera pada Hari Kemerdekaan tetapi merupakan orang yang bersedia untuk berkorban demi kebenaran, keadilan dan kesamarataan:

"Untuk saya, pengorbanan demi menegakkan kebenaran dan keadilan adalah satu kebanggaan, dan bukannya penghinaan. Konsep kesamarataan untuk semua komuniti yang saya ajukan adalah bersifat sejagat, adil dan munasabah. Sungguhpun ia belum menjadi hakikat buat waktu ini, perjuangan ini sudah pasti akan berhasil pada masa depan. Jasad saya mungkin luput dek usia, sakit dan mati, tetapi jiwa saya akan terus bersinar dalam sejarah."

Bukankah sudah sampai masanya untuk Kerajaan mengembalikan semula kerakyatan dan pendaftaran guru Lim Lian Geok yang telah dirampas secara tidak adil daripada seorang patriot yang dinobatkan sebagai "Jiwa Budaya Cina Malaysia"?

BAHAGIAN 1



**PERJUANGAN LIM LIAN GEOK
UNTUK PENDIDIKAN CINA
DI MALAYA
(1949-1961)**

Oleh
Dr. Yen Ching-hwang

Profesor Adjung, Pusat Pengajian Sejarah dan Politik,
Universiti Adelaide, Australia.



1

Latar Belakang Awal Lim Lian Geok

Lim Lian Geok dilahirkan pada 19 Ogos 1901 di Kampung Xi Chang, Yongchun di wilayah Fujian, China¹ Dilahirkan dalam keluarga besar, beliau adalah anak kedua daripada lapan orang adik beradik. Abang sulung beliau meninggal dunia pada usia yang muda, jadi beliau mengambil alih beban tanggungjawab sebagai anak sulung dalam keluarga.² Pada usia enam tahun, Lim Lian Geok memasuki sebuah sekolah tradisional persendirian tempatan. Pada usia tujuh tahun, beliau mengaji karya Confucian seperti Kitab Tiga Aksara (*San Zijing*), dan Kitab Yang Empat (*Sishu*) termasuk Kitab Ajaran Besar (*Daxue*), Kitab Tengah Sempurna (*Zhongyong*), dan Kitab Sabda Suci (*Lunyu*) di bawah bimbingan datuknya.³

Pada tahun 1916, iaitu pada usia 15 tahun, beliau meninggalkan kampung halamannya ke Xiamen (Amoy) di mana beliau bekerja sebagai perantis. Beliau belajar sambil bekerja, berjaya melayakkan dirinya ke Maktab Perguruan Jimei (Chi Mei) - sebuah institusi pendidikan moden terkenal yang diasaskan oleh Tan Kah Kee, di kampungnya Tong An, berdekatan dengan Xiamen. Lim Lian Geok dilatih untuk menjadi guru sejarah dan bahasa Cina. Selepas empat tahun, beliau menamatkan pengajian dengan prestasi yang unggul.⁴

Perwatakan dan kerjaya Lim Lian Geok dipengaruhi keluarganya.



Beliau berasal dari keluarga akademik di selatan Fujian. Kedua-dua datuk dan bapa beliau, iaitu Lin Yiren dan Lin Genyang adalah cendekiawan yang terkemuka di Yongchun, dan terkenal dalam kepakaran matematik. Datuk beliau, memegang gelaran *sui gong sheng* pada zaman Qing⁵, dimartabatkan sebagai golongan atasan dalam masyarakat tradisional China, dan disanjung sebagai guru sishu. Beliau seorang yang taat dan berhemah, dihormati penduduk tempatan termasuk pegawai di Yongchun.⁶

Dengan usaha sendiri, bapa beliau pula menguasai matematik dan astrologi. Kecemerlangannya diiktiraf apabila terpilih sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Astrologi China. Bapa beliau juga terlibat menyunting *Gazet Yongchun* (*Yongchun xianzhi*) - satu tugas yang hanya diamanahkan kepada cerdik-pandai tempatan.⁷ Barangkali datuk Lim Lian Geok telah lulus dalam peperiksaan peringkat pertama pada zaman imperial Qing, tetapi belum melayakkannya untuk menyandang jawatan rasmi. Dengan memegang ijazah xiucui, beliau layak untuk menjadi seorang guru di sishu. Bapa Lim Lian Geok, yang mungkin memegang sijil imperial atau mungkin tidak, menyusul jejak langkah bapanya untuk menyara hidup dengan mengajar. Kedua-dua datuk dan bapanya memiliki ciri-ciri cendekiawan Cina tradisional - dedikasi untuk belajar dan tidak berganjak dari prinsip - membantu untuk membentuk perwatakan Lim.

Bapa Lim Lian Geok semestinya tersepit dalam dilema ketika membuat keputusan untuk membenarkan anaknya ke Xiamen sebagai perantis. Ianya terpesong dari amalan tradisional kerabat keluarganya yang mempunyai latar belakang akademik. Bagaimanapun, perubahan politik dan sosial yang mendadak lantaran keruntuhan Dinasti Qing dan bermulanya Republik China pada awal tahun 1912, menyukarkan kerjaya mengajar di kampungnya. Mujur pada tahun 1917, tahun kedua selepas Lim Lian Geok tiba di Xiamen, Maktab Jimei (Sekolah Tinggi), termasuk Maktab Perguruan Jimei dan maktab untuk profesional yang lain telah diasaskan.⁸ Gabungan belajar sambil

bekerja amat sesuai untuk Lim Lian Geok yang cenderung untuk mengaji dan menimba ilmu. Yuran pelajaran serta penginapan dan makan minum percuma yang disediakan Maktab membolehkan Lim untuk belajar tanpa perlu bimbang tentang hal kewangan.

Suasana kampus Jimei membantu untuk membentuk perwatakan Lim Lian Geok dan memupuk cintanya terhadap kebudayaan dan pendidikan Cina. Jimei adalah salah satu institusi pendidikan moden yang paling tinggi reputasinya di China. Reputasinya bukan sahaja terbina berasaskan kualiti pengajar, pelajar dan kemudahan modennya, tetapi juga disiplin yang tinggi dan tradisi sekolah yang baik. Guru terbaik diambil dari merata tempat di China, dan pelajarinya juga terpilih berdasarkan pencapaian meritnya. Jimei mendukung nilai tradisi Confucian, iaitu kejujuran, keikhlasan dan ketabahan. Nilai-nilai ini tertera dalam motto sekolahnya, "*cheng*" (kejujuran dan keikhlasan) dan "*yi*" (ketabahan).⁹

Nilai-nilai ini juga diterapkan dalam lagu sekolahnya, yang dinyanyikan oleh pelajarinya setiap pagi Isnin ketika perhimpunan.¹⁰ Jikalau dikupas dengan lebih terperinci motto sekolahnya, "*cheng*" (kejujuran dan keikhlasan) boleh diperluaskan maknanya kepada pragmatisme dan keadilan; dan "*yi*" (ketabahan) boleh membawa maksud ketabahan diri untuk mencapai keunggulan (*zi qiang bu xi*).¹¹ Seperti pelajar yang lain, Lim Lian Geok sudah tentu dipengaruhi nilai-nilai ini dan ingin mendukungnya dalam kerjaya beliau.

Seperti sekolah moden China yang lain ketika zaman Republikan itu, Jimei dipengaruhi nilai baru yang diperkenalkan Cai Yuanpei, seorang pendidik terkenal dan Menteri Pendidikan pertama untuk Republik pada tahun 1912. Moral warga negara, nasionalisme militan, utilitarianisme, globalisme dan estetikaisme yang membentuk nilai teras baru meninggalkan kesannya di sekolah moden seperti Jimei.¹² Jimei memandang berat pendidikan moral warga negara khususnya, unsur yang membentuk China baru. Pendidikan adalah saluran untuk

Buku pertama dalam bahasa Melayu tentang seorang pejuang yang dinobatkan sebagai “Jiwa Budaya Cina Malaysia” sejak beliau meninggal dunia pada tahun 1985. Tidak pernah dalam sejarah seorang Cina Malaysia diberi pengiktirafan sebegitu tinggi - jenazahnya ditempatkan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur untuk orang awam tampil memberi penghormatan terakhir. Pasukan perarakan pada hari pengebumiannya mencatat rekod terbesar dalam sejarah masyarakat Cina Malaysia.


Namanya adalah Lim Lian Geok. Setiap tahun pada Disember, pemimpin parti politik, pertubuhan dan pelajar-pelajar sekolah akan tampil memberi penghormatan di makam tokoh ini, bertempat di tanah perkuburan Hokkien, Kuala Lumpur.

Beliau adalah jurucakap kepada komuniti Cina Malaya sepanjang perjuangan kemerdekaan. Beliau mengambil bahagian dalam “Mesyuarat Melaka” bersama Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955 untuk berunding tentang isu Perlembagaan. Beliau diundang untuk menulis perutusan Hari Raya dan disiarkan *Utusan Melayu* dalam tulisan Jawi pada tahun 1956.

Namun demikian, pendidik yang patriotik ini dilucutkan kerakyatannya dan pendaftaran gurunya pada tahun 1961, meskipun beliau memberi sumbangan besar terhadap pendidikan bahasa ibunda, hak sivil dan pembinaan negara.

Lim Lian Geok bukanlah stereotaip Cina Malaysia dengan pakaian yang segar, kereta yang mewah, menghambat kuasa, kekayaan dan gelaran. Sehingga akhir hayatnya, beliau hidup dalam keadaan yang sederhana berhemat. Beliau adalah guru pertama dan pemimpin kesatuan guru terkedepan untuk menggalas misi sebagai pejuang hak sivil untuk komuniti Cina Malaysia serta hak pendidikan bahasa ibunda semua kaum.

Buku ini bertujuan untuk memaklumkan warga Malaysia bahawa inilah masanya untuk memperbetulkan ketidakadilan yang diperlakukan ke atas seorang patriot dan pejuang hak sivil, dengan mengembalikan kerakyatannya dan pendaftaran gurunya. Juga untuk memperkenalkan kepada dunia, bahawa “Inilah orangnya!”

MPH
CRGB G073 6/10/1 D16100091
PH0878967116168 5
GENERAL BOOK - MALAY
RM 20.00
LIM LIAN GEOK: JIWA BUDAYA CINA

9789671161685



9789671161685

Harga: RM20.00